

Maklumat Komoditi : Sengkuang

Sistem Penanaman

PENANAMAN

Sengkuang ditanam dari biji benih. Biji benih yang baru dipetik tidak mudah bercambah, oleh itu biji benih yang baru hendaklah disimpan selama satu atau dua bulan. Keperluan biji benihnya lebih kurang 10kg/ha perlu dirawat dengan racun kulat thiram terlebih dahulu. Gunakan sejenis alat untuk membuat lubang diatas batas dengan jarak 15cm dalam barisan dan 30cm antara baris. Biji benih ditabur terus ke lubang tersebut sebanyak 2 biji selubang. Benih ditanam sedalam 2 - 3cm dan ditimbus semula bagi mengelakkan terdedah kepada musuh dan panas matahari. Biji benih yang baru disemai hendaklah disiram sekurang - kurangnya sekali sehari ketika cuaca panas. Biji benihnya keras dan biasanya percambahan berlaku dalam jangka masa 2 minggu selepas menanam.

MENYULAM

Pemindahan semaian sengkuang (menyulam) tidak digalakkan. Ini kerana ia memberi kesan yang kurang sihat kepada pembentukan ubi. Proses pemindahan biasanya merosakkan akar tunjang mengakibatkan pertumbuhan yang tidak baik dan pembentukan ubi yang tidak normal. Ia juga boleh menyebabkan pokok menghasilkan dua atau tiga ketul ubi yang kecil.

PENJARANGAN

Hanya satu pokok sahaja dibiarkan tumbuh bagi satu lubang. Pokok yang betul-betul segar dan kuat dibiarkan tumbuh dan yang lainnya hendaklah dibuang.

MEMBUANG BUNGA/DAHAN

Kerja membuang bunga sengkuang sangat perlu bagi menggalakkan pembentukan ubi yang besar dan berkualiti. Bunga atau cabang perlu dibuang sekurang-kurangnya 3 kali pusingan iaitu pada hari ke 50, 75 dan 95 HLT. Hanya 3 cabang/dahan dibiarkan dan mempunyai lebih kurang 12 helai daun sahaja.